

## **PENGARAP LAMA DALAM BUDAYA IBAN: PENELITIAN ANIMISME IBAN**

*Pengarap Lama in Iban Culture: Research of Iban Animism*

**Adilawati Asri<sup>1</sup>**  
**Noria Tugang<sup>2</sup>**

*Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif,  
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jalan Datuk Muhammad Musa, 94300  
Kota Samarahan, Sarawak*

<sup>1</sup>[adila25784@gmail.com](mailto:adila25784@gmail.com)

<sup>2</sup>[tnoria@unimas.my](mailto:tnoria@unimas.my)

*Dihantar:24 Mac 2024 / Diterima:11 Jun 2024 / Terbit:31 Disember 2024*

### **Abstrak**

Budaya Iban di Sarawak, Malaysia, sangat kaya dengan elemen animisme yang tercermin dalam amalan *Pengarap Lama* Iban, iaitu ritual dan kepercayaan warisan yang diwarisi secara turun temurun. Penelitian ini bertujuan untuk mendalami *Pengarap Lama* Iban dan mengkaji peranannya dalam amalan kepercayaan warisan atau animisme masyarakat Iban. Melalui pendekatan kualitatif, penelitian ini melibatkan temu bual secara *In-depth Interview* dengan golongan pakar adat Iban. Hasil penelitian menunjukkan bahawa *Pengarap Lama* Iban memainkan peranan penting dalam menghubungkan masyarakat Iban dengan alam semesta, roh leluhur, etika malah sebagai penanda hidup serta panduan moral untuk melestarikan kebaikan dalam kehidupan mereka. Ini kerana walaupun berlakunya perubahan zaman, penganutan agama-agama besar, seperti agama Islam dan agama Kristian, akan tetapi masih ada masyarakat Iban sehingga hari ini yang masih berpegang kuat dengan *Pengarap Lama* Iban. Sehubungan dengan itu, diharapkan penelitian ini dapat menyumbang kepada kefahaman yang lebih mendalam dan secara terperinci mengenai *Pengarap Lama* Iban yang merupakan warisan terpenting dalam budaya Iban di Sarawak.

**Kata Kunci:** *Pengarap Lama*, Budaya, Iban, Kepercayaan Tradisional, Animisme

### **Abstract**

*The Iban culture in Sarawak, Malaysia, is very rich in elements of animism reflected in the practices of the Pengarap Lama Iban, which are rituals and traditional beliefs passed down from generation to generation. This research aims to deepen the Pengarap Lama Iban and examine his role in the practice of heritage beliefs or animism of the Iban community. Through a qualitative approach, this research involves in-depth interviews with Iban traditional experts. The results of the research show that the Pengarap Lama Iban plays an important role in connecting the Iban community with the universe, ancestral spirits, ethics and even as a life marker and moral guide to preserve goodness in their lives. This is because despite the change of times, adherence to major religions, such as Islam and Christianity, there are still Iban communities to this day who still hold fast to the Pengarap Lama Iban. In relation to that, it is hoped that this research can contribute to a deeper and detailed understanding of the Pengarap Lama Iban who are the most important heritage in the Iban culture in Sarawak.*

**Keywords:** Pengarap Lama, Iban, culture, traditional beliefs, animism

### **Pengenalan**

Masyarakat Iban merupakan sebuah kelompok komuniti yang tinggal di seluruh bahagian di negeri Sarawak. Selain itu, masyarakat Iban pada zaman sekarang telah menganuti agama Kristian dan Islam. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir dalam kalangan masyarakat ini yang masih belum menganut sebarang agama atau dikenali sebagai pagan. Hal ini kerana mereka mengamalkan kepercayaan warisan atau kepercayaan animisme atau *Pengarap Lama* Iban yang diwarisi sejak turun-temurun lagi. Dalam kehidupan masyarakat Iban yang masih mengamalkan *Pengarap Lama* Iban, maka mereka percaya bahawa wujudnya kuasa-kuasa luar biasa daripada alam ghaib. Bagi masyarakat Iban, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa ini dapat membantu mereka dalam memperoleh sesuatu kebaikan dan mendatangkan malapetaka di dalam kehidupan masyarakat Iban sekiranya mereka telah melakukan kesilapan. Misalnya, mereka ditimpa musim kemarau, banjir, kekurangan sumber makanan, tanah runtuh, wabak penyakit, kebuluran, ditimpa nasib malang dan terkena sumpahan buruk. Mereka beranggapan bahawa ini berkemungkinan masyarakat Iban melakukan

kesilapan dengan sengaja atau tidak sengaja tanpa disedari, seperti melanggar pantang-larang atau mengingkari arahan kuasa-kuasa luar biasa terhadap sesuatu perkara yang penting. Justeru itu, ia menimbulkan kemarahan kuasa-kuasa luar biasa terhadap masyarakat Iban. Daripada aspek individu pula, segala masalah yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Iban boleh memberi kesan yang buruk terhadap fizikal dan mental seperti mengidap sesuatu penyakit trauma, hidup diselubungi ketakutan serta kesukaran untuk meneruskan kehidupan. Dalam meredakan situasi yang tidak diingini, maka bentuk-bentuk perlakuan ritual perlu dilakukan. Oleh itu, masyarakat Iban akan melakukan upacara dan ritual yang berbentuk kepada kegiatan pemujaan terhadap kuasa-kuasa luar biasa pada setiap tahun bagi menjaga dan menghormati kewujudan kuasa-kuasa luar biasa tersebut.

### **Latar Belakang Masyarakat Iban Di Sarawak**

Kewujudan istilah “Iban” dikatakan berasal daripada bahasa Kayan. Istilah Iban tersebut mempunyai makna yang tertentu, iaitu “*Roving Stranger*”(Richards, 1981). Perkataan *Roving Stranger* telah digunakan oleh masyarakat Kayan bagi merujuk kepada masyarakat Iban yang membuat penempatan di lembangan Sungai Rajang (Ngadi, 1998). Berdasarkan kepada kependudukan masyarakat Iban pada hari ini, mereka mendiami semua bahagian di Sarawak, terutamanya di Bahagian Sri Aman, Samarahan, Betong, Sarikei, Sibu, Kapit, Bintulu dan Miri. Masyarakat Iban pada suatu ketika dahulu lebih dikenali dengan panggilan *Sea Dayak* dalam kalangan warga asing. Panggilan tersebut adalah disebabkan mereka biasanya bergerak di kawasan laut sebagai lanun dan juga sebagai pelayar yang handal. Mereka dikategorikan ke dalam kumpulan Melayu Proto, iaitu sama dengan orang Melayu Sumatera dan Semenanjung Malaysia (Freeman, 1955). Menurut kepada catatan sejarah, masyarakat Iban sangat cenderung untuk mengembara dan mengamalkan hidup secara nomad daripada satu kawasan ke kawasan baharu yang lebih subur. Ia bertujuan untuk aktiviti pertanian, pemburuan dan perikanan. Penempatan asal masyarakat Iban tidak dapat ditentukan secara spesifik. Namun begitu, terdapat penemuan bukti-bukti yang menunjukkan bahawa masyarakat Iban pernah mendiami di bahagian Hulu Kapuas dan Ketungau di Kalimantan Barat, Indonesia sebelum bermulanya era penghijrahan ke Sarawak. Masyarakat Iban terdahulu dipercayai telah memulakan era penghijrahan ke kawasan Sarawak pada awal sekitar tahun 1540 (Chang Pat Foh, 1999).

Masyarakat Iban pada zaman dahulu terkenal dengan penanaman padi. Ini kerana tanaman padi merupakan makanan keperluan masyarakat Iban maka hasil tuaian yang diperolehi secara berterusan adalah penting (Morrison, 1962). Justeru itu, bagi memastikan hasil tuaian padi menjadi lumayan, maka upacara *Gawai* pertanian akan dilakukan dalam masyarakat Iban (Jensen, 1966). Masyarakat Iban mendiami di kawasan persekitaran barat laut Kepulauan Borneo. Majoriti masyarakat Iban pada hari ini mula menetap secara tetap di Sarawak dan terdapat juga dalam kalangan mereka yang masih lagi mendiami di Kalimantan Barat, Indonesia, iaitu di sebuah kawasan di sekitar Sungai Kapuas. Pada zaman terdahulu, setelah masyarakat Iban menetap sejak berdekad di sepanjang Sungai Merakai, Indonesia, maka terdapat seorang ketua mereka yang bernama *Gelungan* bersama pengikut-pengikutnya telah keluar dari kawasan itu untuk mencari kawasan yang lebih baik. Kemudian, mereka telah menetap di Bukit Balau yang terletak di antara kawasan Merakai dan Sungai Batang Undop. Mereka diikuti pula oleh kumpulan kedua masyarakat Iban yang diketuai oleh *Langkup*. Kumpulan kedua ini telah menetap di pertengahan kawasan di Batang Undop. Kedua-dua kumpulan ini menetap di kawasan Bukit Balau dan Batang Undop. Mnakala, bagi kumpulan ketiga masyarakat Iban yang diketuai oleh *Jelian*, maka mereka telah menetap di kawasan Wong Empangu, iaitu yang terletak di pinggiran hilir Batang Undop (Sandin, 1967).

Penelitian terhadap hierarki keturunan masyarakat Iban telah memperlihatkan bahawa migrasi pertama mereka adalah daripada kawasan Ketungau (cawangan Sungai Kapuas) ke kawasan lembah Sungai Undop (Cawangan Sungai Batang Lupar). Pada zaman sekarang, ia dikenali sebagai Bahagian Sri Aman, Sarawak. Catatan mengenai perjalanan masyarakat Iban masuk ke Sarawak adalah dikatakan melalui sebuah tempat yang bernama Kumpang yang terletak dalam kawasan Batang Ai, Daerah Lubok Antu, Bahagian Sri Aman. Kawasan petempatan pertama mereka di Sarawak ialah di Batang Undop, Simanggang (Mulok, 1980). Walau bagaimanapun, kesan daripada corak pertanian pindah yang diamalkan oleh masyarakat Iban pada hari ini, didapati di kesemua bahagian Sarawak, terutamanya di Bahagian Sri Aman, Samarahan, Betong, Sarikei, Sibu, Kapit, Bintulu dan Miri. Masyarakat Iban pada suatu ketika dahulu, lebih dikenali dengan panggilan *Sea Dayak* dalam kalangan warga asing. Panggilan tersebut adalah disebabkan mereka biasanya bergerak di kawasan laut sebagai lanun dan juga pelayar yang handal. Masyarakat Iban dikategorikan ke

dalam kumpulan Melayu Proto, iaitu sama dengan orang Melayu Sumatera dan Semenanjung Malaysia (Freeman, 1955).

Masyarakat Iban pada zaman dahulu dikatakan berasal daripada daerah Kalimantan, Indonesia. Ini kerana mereka mengamalkan hidup berpindah-randah dan akhirnya telah datang ke Sarawak. Tambahan pula, kedatangan masyarakat Iban ke Sarawak hampir sama dengan kemunculan orang Eropah di kawasan Asia Tenggara (Mulok, 1989). Kehidupan masyarakat Iban dipengaruhi oleh adat resam yang membentuk budaya tradisi mereka. Buma (1992) menerangkan tentang adat resam dan tradisi yang dimiliki oleh masyarakat Iban yang sekian lama diamalkan. Selain itu, mereka juga merupakan pengamal dan pemegang kuat kepada *Pengarap Lama* Iban. Pengalaman dan konsep kebudayaan masyarakat Iban masih diamalkan sehingga masa kini sebagai adat resam dan budaya mereka. Malah, identiti sesuatu masyarakat itu bergantung kepada kekuatan budaya dan tradisi yang dimiliki oleh mereka. Selain itu, sebahagian daripada mereka telah menetap di kawasan tanah pamah di daerah Saribas dan kawasan Sungai Rejang. Kini, ramai dalam kalangan masyarakat Iban yang bermigrasi dan menetap di kawasan bandar-bandar besar di Sarawak, seperti bandaraya Kuching, Sibu dan Miri.

### ***Pengarap Lama dalam Budaya Iban***

Dalam budaya Iban, kepercayaan warisan atau *Pengarap Lama* atau animisme yang diamalkan oleh sesetengah kalangan mereka adalah merangkumi kewujudan kuasa-kuasa luar biasa, seperti *Petara-petara*, dewa dewi, *Antu*, semangat baik dan jahat, dan roh nenek moyang yang telah lama meninggal dunia. Bagi mereka yang masih mengamalkan *Pengarap Lama* Iban, maka mereka percaya bahawa *Petara* merupakan pencipta alam nyata, alam ghaib dan semua penghuni alam nyata. Selain itu, masyarakat Iban percaya bahawa setiap objek yang dicipta oleh kuasa-kuasa luar biasa untuk alam nyata ini mempunyai kuasa dan semangat yang tertentu sama ada yang baik atau jahat. Justeru itu, masyarakat Iban perlu melakukan aktiviti berbentuk ritual pemujaan bagi menjaga dan menghormati kewujudan kuasa-kuasa luar biasa tersebut. Ini kerana sekiranya masyarakat Iban tidak menjaga dan menghormati kewujudan kuasa-kuasa luar biasa tersebut, maka dipercayai malapetaka akan menimpa kehidupan mereka. Bagi masyarakat Iban, ritual pemujaan diperlukan bagi tujuan memohon kebaikan, pengampunan, kebenaran, keberkatan, perlindungan dan

kedamaian dalam kehidupan mereka. Bagi masyarakat Iban yang masih mengamalkan *Pengarap Lama Iban*, mereka percaya kepada kewujudan kuasa-kuasa luar biasa di alam nyata dan alam ghaib. Ini kerana mereka percaya bahawa kuasa-kuasa luar biasa merupakan pencipta alam nyata, alam ghaib serta segala penghuni alam yang merangkumi elemen benda hidup dan benda bukan hidup. Selain itu, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa juga boleh mengundang kepada sesuatu malapetaka sekiranya sesebuah masyarakat itu tidak melakukan ritual pemujaan. Justeru itu, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa perlu dijaga, dihormati, dipuja dan 'diberi makan' melalui sajian makanan khas pada setiap tahun.

Pada zaman dahulu, iaitu sebelum kedatangan agama-agama besar seperti agama Kristian dan Islam, masyarakat Iban sangat berpegang kuat terhadap *Pengarap Lama Iban*. Ini kerana masyarakat Iban yang masih mengamalkan *Pengarap Lama*, maka perlu melakukan ritual pemujaan dan penyembahan kepada kuasa-kuasa luar biasa. Dalam *Pengarap Lama Iban*, mereka mempunyai amalan kepercayaan terhadap pelbagai jenis *Petara* dan sebahagiannya adalah seperti, *Lang Sengalang Burung*, *Simpulang Gana*, *Selampandai* dan *Orang Panggau Libau* (Basil, 1949). Berdasarkan kepada pengamalan *Pengarap Lama Iban*, ia bertujuan bagi memenuhi tuntutan *spiritual*, sebagai keperluan untuk berhubung secara baik dengan kuasa-kuasa ghaib yang wujud dalam kepercayaan dan persekitaran mereka. Maka, setiap tahun akan diadakan pelbagai sambutan perayaan, pesta adat dan ritual yang dilakukan di bahagian ruang di rumah panjang Iban. Semua ritual tersebut diadakan secara berselang-seli atau berlarutan tanpa henti. Contohnya, ritual pemujaan yang dilakukan oleh masyarakat Iban yang bertujuan untuk memuja *Petara* dan semangat dari alam ghaib untuk memohon hajat, rezeki, kesejahteraan dan kesempurnaan dalam kehidupan, dan untuk menyembuhkan penyakit (Basil, 1949).

Selain itu, terdapat juga beberapa petanda dan pantang-larang yang mempengaruhi kehidupan masyarakat Iban di kawasan Kepulauan Borneo. Dalam *Pengarap Lama Iban*, mereka juga mempunyai kepercayaan terhadap sumber mimpi. Ini kerana melalui sumber mimpi, ia adalah suatu platform pertemuan di antara manusia dengan kewujudan kuasa-kuasa luar biasa. Tambahan pula, sumber mimpi juga mempengaruhi tindakan mereka dalam kehidupan. Dalam masa yang sama, sumber mimpi juga merupakan sebahagian daripada petanda-petanda yang diberi oleh kuasa-kuasa luar biasa terhadap sesuatu

perkara yang akan terjadi dalam kehidupan masyarakat Iban (Harrison, 1959).

Sebelum kedatangan agama-agama besar, seperti agama Islam dan Kristian, masyarakat Iban terdahulu adalah merupakan sebuah kelompok yang sangat berpegang kuat dalam *Pengarap Lama* Iban yang merangkumi amalan kepercayaan terhadap pelbagai Tuhan. Dalam mengamalkan *Pengarap Lama* Iban, maka kewujudan mitos dianggap penting. Misalnya, seperti *Petara Pulang Gana* yang berupaya membantu masyarakat Iban dalam sektor pertanian. Sehubungan dengan itu, upacara *Gawai* perlu diadakan bagi mendapatkan bantuan dan berkat daripada *petara* tersebut agar memperolehi hasil tanaman padi yang lumayan. Justeru itu, mereka perlu menyediakan persembahan *Piring*, iaitu sajian makanan khas untuk kuasa-kuasa luar biasa, seperti *Petara Pulang Gana*. Dalam *Pengarap Lama Iban*, kegunaan objek-objek suci dalam amalan ritual seperti *Miring* sangat penting untuk dijadikan identiti masyarakat Iban terhadap kuasa-kuasa luar biasa (Jensen, 1966).

Dalam ilmu *Pengarap Lama* Iban, mereka berkomunikasi dengan kuasa-kuasa luar biasa melalui sumber mimpi, *Pengaroh* (azimat), pelaksanaan ritual, alamat atau petanda dan penjelmaan kuasa-kuasa luar biasa di alam nyata. Berdasarkan kepada sumber mimpi yang dialami oleh masyarakat Iban atau petanda-petanda yang lain, maka ia akan menjadi mesej dalam menjalani kehidupan seharian di rumah panjang. Tambahan pula, masyarakat Iban bergantung dengan mesej yang disampaikan oleh kuasa-kuasa luar biasa melalui mimpi atau petanda-petanda yang lain kerana melalui mesej tersebut, maka mereka akan tahu sama ada akan berlaku tuah atau malapetaka (Jensen, 1966).

Kewujudan mitos Iban, seperti *Petara Pulang Gana* dikatakan membantu masyarakat Iban dalam kegiatan berasaskan pertanian. Maka, masyarakat Iban akan memuja *Petara Pulang Gana* dalam upacara *Gawai* bagi mendapat bantuan dan berkat dalam memperolehi hasil tuaian padi yang lumayan. Selain itu, pelaksanaan ritual juga memerlukan kepada penyediaan *Piring* yang akan dipersembahkan kepada kuasa-kuasa luar biasa dalam masyarakat Iban (Jensen, 1966).

Salah satu kewujudan kuasa-kuasa luar biasa, seperti *Petara Simpulang Gana* dan asal-usulnya sangat penting dalam amalan *Pengarap Lama* Iban. Bagi masyarakat Iban, *Simpulang Gana* merupakan *Petara* bumi dan pertanian. Ini kerana masyarakat Iban

akan memuja *Petara Simpulang Gana* bagi mendapatkan hasil pertanian yang lumayan. Selain itu, dijelaskan juga mengenai penggunaan *Pua Kumbu* dalam upacara *Gawai Pertanian* dan jenis-jenis burung yang menjadi petanda terhadap masyarakat Iban sama ada sesuatu keadaan yang baik atau buruk (Sandin, 1967).

Penanaman padi bukit dan paya oleh masyarakat Iban merupakan kegiatan pertanian yang utama (Morgan, 1968). Selain itu, dinyatakan juga mengenai kepentingan kesuburan tanah untuk aktiviti pertanian mereka. Sehubungan itu, masyarakat Iban percaya terhadap *Petara Simpulang Gana*, *Sengalang Burung*, *Selampandai* dan *Orang Panggau Libau* bagi mendapatkan hasil tuaian yang lumayan. Berdasarkan kepada kedudukan kuasa-kuasa luar biasa dalam masyarakat Iban, *Sengalang Burung* merupakan *Petara* yang mempunyai kedudukan yang tertinggi dan disanjung. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, *Petara Sengalang Burung* merupakan *Petara* peperangan dan memiliki sifat kepimpinan yang hebat. Justeru itu, pahlawan Iban yang pergi berperang akan melakukan ritual untuk memohon dan meminta petunjuk dari *Petara Sengalang Burung*. Ini kerana sekiranya mereka mengikuti petunjuk yang diberikan oleh *Petara* tersebut, maka mereka akan berjaya dalam peperangan (Morgan, 1968). Berdasarkan kepada *Pengarap Lama* Iban, *Petara Simpulang Gana*, *Sengalang Burung*, *Selampandai* dan *Orang Panggau Libau* adalah dipercayai berkaitan dengan penyumbang kejayaan dalam kegiatan menanam padi. Ini kerana kuasa-kuasa luar biasa tersebut dipuja dalam sesebuah pelaksanaan upacara *Gawai* bagi memperolehi hasil lumayan dalam aktiviti pertanian yang dijalankan oleh masyarakat Iban (Morgan, 1968).

Masyarakat Iban percaya akan kewujudan alam ghaib (Jensen, 1974). Ini kerana alam ghaib merupakan tempat tinggal kuasa-kuasa luar biasa dalam cerita mitos, seperti *Keling* dan *Kumang*. Menurut mitos Iban, Dewa *Keling* dan Dewi *Kumang* tinggal di *Panggau Libau Lendat Dibiau Gerempung Isang*. Manakala, untuk alam ghaib adalah seperti *Gelong Batu Nakong Nyingit Nyingung Nyandar Nerabang* yang merupakan penempatan Dewi *Kumang* sebelum berkahwin dengan Dewa *Keling*. *Keling* melambangkan dewa yang sangat terkenal dengan kekuatan luar biasa dalam situasi peperangan. Menurut *Pengarap Lama* Iban, mereka sentiasa meminta pertolongan dari dewa tersebut untuk membantu mereka ketika melakukan ekspedisi tradisi *Ngayau* atau aktiviti pemburuan kepala manusia (Jensen, 1974).

Upacara *Gawai Burong* atau dikenali sebagai *Gawai Kenyalang* adalah bertujuan untuk memberi penghormatan kepada *Petara Sengalang Burung*. Ini kerana *Sengalang Burung* merupakan *Petara* perang Iban (Sandin, 1977). Mengikut sejarah perayaan *Gawai Kenyalang*, ia adalah tentang *Aki Lang Sengalang Burung Jagu Menaul Tuntung*, iaitu burung helang yang diarahkan oleh kuasa-kuasa luar biasa untuk menerajui semua aktiviti peperangan Iban. Ini kerana beliau memiliki segala *Pengaroh* atau azimat yang sangat berkuasa. Lazimnya, masyarakat Iban akan mengadakan upacara *Gawai Kenyalang* semasa atau sebelum mereka melakukan ekspedisi tradisi *Ngayau* atau aktiviti memotong kepala manusia. Upacara *Gawai Kenyalang* penting untuk mereka yang menjadi pahlawan dan menerima petanda dari *Petara* melalui mimpi yang mengarahnya untuk melaksanakan upacara tersebut. Di samping itu, upacara *Gawai Kenyalang* juga diadakan bagi meraikan kepulangan pahlawan dalam masyarakat Iban tradisi yang baru pulang dengan membawa pulang habuan atau barang berharga daripada aktiviti *Bejalai* atau mengembara. Kebiasaannya, upacara tersebut akan dijalankan di bahagian *Tanju*, iaitu kawasan di luar *Ruai Rumah Panjai Iban*. Ini kerana masyarakat Iban percaya bahawa *Petara Sengalang Burung* akan datang dan duduk bersama-sama masyarakat Iban semasa makan dan minum di tempat tersebut (Sandin, 1977).

Berdasarkan kepada *Pengarap Lama* Iban, mereka membahagikan kuasa alam kepada dua, iaitu Tuhan dan kuasa jahat yang digelar *Antu Gerasi* (Sutlive, 1992). Kewujudan mitos merupakan pengaruh yang kuat dalam *Pengarap Lama* Iban yang diamalkan dan ia membentuk kehidupan di dunia mereka. Bagi masyarakat Iban, antara mitos yang paling kuat dan sangat penting adalah seperti *Sengalang Burung* yang mempunyai fungsi utama dan paling berkuasa di alam ghaib (Sutlive, 1992). Menurut Mulok (1993), *Pengarap Lama* Iban adalah berpaksikan kepada kewujudan semangat dan roh dari alam ghaib. Kewujudan semangat dan roh dipengaruhi oleh kuasa kebaikan dan kejahanatan. Bagi menjaga sesuatu semangat dan roh, maka masyarakat Iban perlu melakukan aktiviti pemujaan atau penyembahan bagi memperolehi sesuatu kebaikan dan menolak unsur-unsur kejahanatan. Selain itu, masyarakat Iban juga mempunyai amalan kepercayaan terhadap sumber mimpi yang tertentu dan terhadap haiwan. Misalnya, burung, ular, labi-labi serta haiwan-haiwan lain yang dipercayai membawa petanda dari kuasa-kuasa luar biasa. Amalan kepercayaan terhadap *Pengarap Lama* Iban yang diamalkan oleh mereka banyak mempengaruhi jenis-jenis aktiviti harian, seperti penanaman padi huma serta dan ia masih kuat sehingga hari ini.

Merujuk kepada *Pengarap Lama* Iban, terdapat dua jenis kuasa semangat dari alam ghaib, iaitu semangat baik dan semangat jahat. Semangat baik dikatakan mampu menolong mereka dalam memperolehi hari-hari yang baik manakala semangat jahat pula boleh menimbulkan malapetaka seperti ditimpa bencana alam. Selain itu, masyarakat Iban juga percaya bahawa semangat bukan sahaja terdapat pada manusia malah juga terdapat haiwan seperti ular, buaya dan burung. Oleh itu, masyarakat Iban telah membuat beberapa upacara tertentu di samping melaksanakan ritual penting bagi mengelak ancaman semangat jahat yang mengganggu dan mengancam kesejahteraan dalam kehidupan mereka.

Dalam *Pengarap Lama* Iban, *Antu Gerasi* tidak berada pada kedudukan yang sama taraf dengan *Petara*. Ini kerana *Antu* berada di bawah kedudukan *Petara*. Tambahan pula, *Antu Gerasi* terbahagi kepada dua kategori, iaitu semangat baik dan semangat jahat. Masyarakat Iban mempercayai kewujudan semangat baik dan jahat kerana ia tidak dapat dielakkan dalam kehidupan sehari-hari mahupun jenis-jenis aktiviti yang hendak dilakukan. Kepercayaan masyarakat Iban terhadap semangat baik yang muncul di dalam mimpi mahupun khayalan dikatakan mampu memberikan petanda yang baik. Misalnya, semangat yang baik boleh membantu mereka mengelak dari bencana, malapetaka dan mengubati penyakit ataupun jalan penyelesaian kepada masalah lain. Tambahan pula, masyarakat Iban akan melaksanakan ritual-ritual tertentu bagi menunjukkan rasa penuh kesyukuran dan terima kasih terhadap semangat baik itu. Merujuk kepada *Pengarap Lama* Iban mengenai semangat jahat, ia dikatakan hanya mahu menghancurkan dan mengganggu kehidupan mereka sehari-hari. Tambahan pula, masyarakat Iban dapat mengetahui tanda-tanda semangat jahat oleh *Antu Gerasi* akan muncul. Ini kerana kadang kala bunyi-bunyian yang dikeluarkan oleh *Antu Gerasi* muncul dari kawasan hutan. Maka, sekiranya bunyi-bunyian tersebut didengari oleh masyarakat Iban yang menghuni di rumah panjang, mereka seharusnya menyediakan *Piring* atau sajian khas makanan kepada *Antu Gerasi* agar ia tidak mengganggu ketenteraman. Selain itu, mereka juga akan membina sebuah pondok kecil khas yang terletak tidak jauh dari kawasan rumah panjang dan menyediakan binatang korban, seperti ayam untuk *Antu Gerasi* dan para pengikutnya. Tujuan masyarakat Iban melakukan sebegitu adalah untuk mengelakkan diri mereka dari ditimpa malapetaka seperti berlaku wabak jangkitan penyakit berbahaya, seperti taun dan malaria yang mudah berjangkit. Sehubungan dengan

itu, tahap kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Iban terhadap semangat dan roh tersebut sememangnya mempengaruhi kehidupan mereka (Gomes, 2004). Menurut informan Jimbun Anak Tawai (2023), sesetengah masyarakat Iban masih menganggap kewujudan kuasa-kuasa luar biasa tersebut sebagai roh yang suci, dan roh yang suci ini perlu disembah, dipuja dan ditenteramkan sekiranya ada berlaku sesuatu perkara yang kurang elok dalam masyarakat. Justeru itu, masyarakat Iban mengadap kuasa-kuasa luar biasa tersebut dengan cara penuh adat istiadat, dengan penuh tatatertib semasa melakukan ritual pemujaan. Ini kerana dengan tatatertib yang sedemikian, maka dipercayai segala niat dan hasrat mereka akan dimakbulkan oleh kuasa-kuasa luar biasa.


Secara umumnya, masyarakat Iban mempunyai banyak Tuhan di dunia ini. Dalam *Pengarap Lama Iban*, *Petara* (Tuhan) adalah sesuatu kuasa ghaib yang wujud di dunia ini. Kewujudan kuasa-kuasa luar biasa harus disembah dan dipuja melalui ritual pemujaan, *Jalai Penggap* (melakukan mantera) serta *Timang* (ayat-ayat suci) oleh *Lemambang* (pendeta Iban) yang dilakukan. Justeru itu, ritual yang dilakukan oleh masyarakat Iban adalah untuk membuat pemujaan, rayuan, permohonan, seruan, hajat, hasrat ataupun berdoa kepada kuasa-kuasa luar biasa. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, kiraan tujuh membawa maksud kepada terdapatnya tujuh *Petara* utama yang dipercayai dapat membantu mereka. Menurut informan Robert dan Janang (2023) yang menyatakan bahawa *Bunsu Antu Dikarapka Bansaa Iban Bisi Tujuh Iko Diri Menyadi*. Hal ini terjadi kerana *Petara* atau Tuhan yang dipercayai oleh masyarakat Iban adalah bersaudara, namun mereka tinggal berasingan antara satu sama lain dan mempunyai peranan kuasa masing-masing dalam membantu manusia di muka bumi ini. *Petara* ini akan diterangkan mengikut umur mereka yang paling tua dalam hieraki mereka dalam keluarga.

Berdasarkan kepada *Pengarap Lama* Iban, ia lazimnya berdasarkan kepada kewujudan pelbagai Tuhan di dunia ini. Selain itu, terdapat juga kewujudan konsep hantu dalam masyarakat Iban yang juga merupakan salah satu Tuhan mereka yang dikenali sebagai *Petara*. Kewujudan konsep *Petara* atau Tuhan Iban dalam *Pengarap Lama* Iban adalah merupakan sesuatu yang sakral, mempunyai kuasa luar biasa, *Petara Nadai Enda Manah; Bisi Utai Ditolong Sida* yang membawa maksud kepada Tuhan semua baik dan ingin menolong dalam banyak perkara. Berdasarkan kepada mitos Iban, sesetengah Tuhan mereka menjelmakan diri melalui roh nenek moyang mereka. Dalam kehidupan

masyarakat Iban, mereka mempunyai satu hierarki kuasa-kuasa luar biasa yang wujud dalam *Pengarap Lama* Iban. Dalam hierarki ini, *Petara* adalah merupakan kuasa-kuasa tertinggi diikuti dewa dewi, *Antu*, semangat baik dan jahat, dan roh nenek moyang Iban yang telah meninggal dunia. Selain itu, masyarakat Iban percaya bahawa golongan pahlawan mereka juga mempunyai kuasa luar biasa yang dikenali sebagai *Orang Panggau Libau*. Tambahan pula, mereka bukan sahaja memiliki kekuatan sebagai pahlawan yang perkasa malah mempunyai kuasa sakti yang tidak boleh ditandingi oleh orang lain. Lazimnya, untuk berhubung dengan *Orang Panggau Libau*, masyarakat Iban perlu melalui satu ritual besar-besaran yang amat lengkap. Mereka akan mengadakan ritual *miring* dan menerusi pelbagai perintah atau kurniaan *Pengaroh* yang diperturunkan oleh kuasa-kuasa luar biasa yang tergolong daripada *Petara*, dewa dewi, *Antu*, semangat (baik dan jahat) dan roh nenek moyang melalui mimpi kepada masyarakat Iban (Jensen, 1974).

### **Hierarki Kuasa-Kuasa Luar Biasa Dalam *Pengarap Lama* Iban**

Dalam *Pengarap Lama* Iban seperitimana yang diterangkan oleh informan Abang Anak Entarey (2023), kiraan tujuh membawa maksud kepada terdapatnya tujuh *Petara* utama yang dipercayai dapat membantu mereka. Bagi informan Robert dan Janang (2023), dinyatakan bahawa *Bunsu Antu Dikarapka Bansu Iban Bisi Tujuh Iko Diri Menyadi*. Hal ini terjadi kerana *Petara* yang dipercayai oleh masyarakat Iban adalah bersaudara, namun mereka tinggal berasingan antara satu sama lain. Selain itu, kewujudan *Petara* mempunyai peranan serta kuasa masing-masing dalam membantu manusia di muka bumi ini (Rajah 1).



**Rajah 1:** Hierarki Kuasa-Kuasa Luar Biasa Dalam *Pengarap Lama* Iban  
Sumber: Adilawati Asri (2023).

### ***Petara* Iban**

Istilah *Petara* atau *Betara* adalah berasal daripada bahasa Sanskrit, *pitr*, nenek moyang atau *pitarah*, iaitu nama dewa Hindu. Terdapat sekurang-kurangnya tiga kategori terhadap Tuhan-tuhan. Kategori pertama, terdapat Tuhan-tuhan pencipta, iaitu makhluk yang pada asalnya dibawa masuk menjadi elemen tanah, langit, air dan manusia. Kategori kedua pula, terdapat dewa utama yang amat penting fungsinya untuk kegiatan aktiviti manusia dan keperluan kesinambungan kehidupan mereka. Kategori ketiga, iaitu terdapat mitos roh pahlawan yang melibatkan pengembaraan dan mempengaruhi hubungan terhadap golongan lelaki dan wanita dalam masyarakat Iban. Justeru itu, kewujudan *Petara-petara* dalam alam ghaib bagi masyarakat Iban adalah merupakan kuasa yang paling tinggi (Richards, 1981).

Dalam masyarakat Iban, kewujudan *Petara-petara* dapat dikategorikan kepada dewa tertinggi, iaitu *Raja Petara*. Ia juga dikenali sebagai *Entala* atau *Keri Raja Petara* (atau *Biku Raja Petara*) yang bersaudara dengan *Pantan Ini Andan* (langit) dan *Biku Indu Antu* (bumi). Tuhan-tuhan ciptaan dalam masyarakat Iban adalah seperti *Seremugah Ke Ngaga Tanah* (*Seremugah* yang membuat tanah), *Segundi Ke Ngaga Ai* (*Segundi* yang membuat air), dan *Segundit Ke Ngaga Langit* (*Segundit* yang menjadikan langit). *Raja Petara* memiliki tujuh (dewa ikan dan hidupan akuatik), *Siti Peremani*, (dewi tumbuh-tumbuhan yang menyumbang kepada kehidupan), *Belang Pinggang*, seekor raksasa putih yang berkahwin dengan *Gupi* dan yang menjadi *Ini Anda* dan *Dayang Peteri*. Terdapat juga golongan Tuhan perang (*Lang Sengalang Burung*, *Lang Betenung*, *Keling*, *Bungai Nuing*, *Laja*, dan *Bungai Jawa*). *Raja Genali* adalah Tuhan air. *Anda Mara Raja Pengibai* (atau hanya *Anda Mara*) adalah Tuhan kekayaan dan perdagangan, *Kumang* dan kakaknya *Lulung*, adalah dewi wanita yang paling popular. Manakala, *Meni* adalah dewi air, seni batik dan tenunan benang kain (Richards, 1981).

Informan Kendawang Anak Ambit (2023) menerangkan bahawa *Petara* adalah merujuk kepada Tuhan yang mempunyai kuasa mutlak ke atas masyarakat Iban. Dalam *Pengarap Lama* Iban, terdapat banyak *Petara* di dunia ini. *Petara* juga dikatakan sangat baik di samping mempunyai segala kesempurnaan, kesaktian yang tertentu, keghaiban tertinggi dan ingin membantu masyarakat Iban dalam semua perkara. Berdasarkan kepada mitos Iban, dikatakan sesetengah *Petara* itu boleh menjelma melalui roh nenek moyang mereka yang sudah meninggal dunia. Tambah beliau lagi, *Petara* atau Tuhan Iban adalah sesuatu kuasa ghaib yang tertinggi yang wujud di dunia ini. Sehubungan dengan itu, ia perlu disembah dan dilakukan pemujaan melalui amalan ritual *Miring*, *Jalai Pengap* (melakukan mantera), serta *Leka Timang* (ayat-ayat suci) oleh golongan pakar ritual, seperti *Lemambah* (pendeta Iban). Bagi masyarakat Iban, ritual *Miring* dan upacara *Gawai* yang merupakan suatu platform bagi mereka melakukan penyembahan, pemujaan, rayuan, penyeruan, permohonan serta menyampaikan hasrat tertentu atau doa kepada kuasa-kuasa luar biasa tersebut. Menurut *Pengarap Lama* Iban, *Petara* adalah merupakan kategori kuasa-kuasa luar biasa yang tertinggi dan berlainan daripada dewa dewi, *Antu*, semangat baik dan jahat dan roh nenek moyang. *Petara* sentiasa membantu masyarakat Iban dengan menganugerahkan pelbagai nikmat kesihatan, kekayaan, kemakmuran, kesempurnaan,

jaminan keselamatan serta mengawal keseimbangan di bumi. Tambahan pula, *Petara* tidak suka marah atau menghukum manusia, namun dewa dewi, *Antu* dan semangat boleh mengundang malapetaka serta mengancam kehidupan masyarakat Iban. Selain itu, *Petara* juga boleh menjelma di dalam kehidupan masyarakat Iban, iaitu sama ada menerusi mimpi atau bentuk-bentuk petanda yang disampaikan melalui benda hidup, seperti haiwan, burung, serangga serta fenomena alam yang tertentu. Dalam *Pengarap Lama Iban*, *Petara* dianggap kudus, suci, amat sempurna sifatnya serta sentiasa membantu manusia. Justeru itu, kewujudan kuasa-kuasa luar biasa, seperti *Petara* perlu dipuja dan 'diberi makan' dengan sajian *Piring* dalam ritual *Miring* dan upacara *Gawai* pada setiap tahun sebagai tanda penghargaan dan kesyukuran.

### ***Orang Panggau Libau (Dewa Dewi Iban)***

*Orang Panggau Libau* adalah dewa dewi juga yang memiliki kuasa sakti yang amat luar biasa. Dewa dewi ini dikatakan memiliki *Cincin Pengajih* (*Petara Ti Tau Ajih*), iaitu cincin tembaga sakti yang boleh memenuhi segala bentuk keperluan hidup masyarakat Iban. Sekiranya berlaku musim kebuluran dalam masyarakat Iban dan mereka telah ditakdirkan berjumpa dengan *Orang Panggau Libau* dalam mimpi, maka dipercayai akan memperoleh banyak sumber padi dan beras. *Gelong Batu Benang* adalah sebuah jajahan *Orang Panggau Libau*. *Panggau Libau* memiliki gelaran, iaitu *Orang Panggau Libau Lendat Bebiau Takang Isang Melawa Lama Bunyi Ka Berimba Bong Nebang* yang membawa maksud *Orang Panggau Libau* ialah tempat yang dihuni oleh semua *Petara* yang maha berkuasa dan Maha Indah.

Dewa dewi dalam kalangan *Orang Panggau Libau* dikatakan tinggal di dunia kayangan di sepanjang tujuh teluk, tujuh sungai, tujuh gunung dan tujuh laut. *Orang Panggau Libau* ialah dewa dewi penting dalam kehidupan masyarakat Iban. Justeru itu, mereka terdiri daripada *Keling Manok Biring Sempidan Arang, Jawai Ensengai Dayang Kumang, Lemok Lulong Bintang, Endu Dara Kelinah atau Indai Abang, Laja Lau Moa Penyampu Leka Balang Berang, Simpurai Muntigrai Lancham Disimbang (Bungai Nuing), Pungga Digelar Bujang Puntang Medang, Renggan Melaban Mipau Umbang, Sanggol Labong, Duat Igat Surong Kempat, Ngelai Pau Tuai Orang Meligai Pungga Pungkang, Tutong Ulop Demong, Laing, Indai Keling, Bujang Tuai, dan Kumpang Pali Teras Penguji*. Pada zaman dahulu, masyarakat Iban dikatakan boleh

berjumpa dengan *Orang Panggau Libau*, khasnya semasa upacara *Gawai (Beambi Ngabang)*. Ini kerana mereka boleh wujud di alam nyata seperti manusia biasa. Tetapi, akibat beberapa faktor yang tertentu, maka masyarakat Iban tidak dapat berjumpa lagi dengan mereka sehingga ke hari ini. Dalam kepercayaan masyarakat Iban, *Orang Panggau Libau* menduduki tingkat keghaiban yang tinggi dalam hierarki keghaiban alam ghaib. Selain itu, *Orang Panggau Libau* bukan sahaja tergolong dalam pahlawan-pahlawan yang agung, malah mempunyai kuasa sakti yang amat luar biasa yang tidak boleh ditandingi manusia biasa di muka bumi ini. Bagi masyarakat Iban hanya boleh berhubung dengan kuasa-kuasa luar biasa seperti *Orang Panggau Libau* melalui ritual besar-besaran yang amat lengkap, seperti ritual *Miring* dalam upacara *Gawai*, ataupun melalui arahan *Orang Panggau Libau* yang diperturunkan melalui mimpi masyarakat Iban. *Orang Panggau Libau* juga dikatakan dewa dewi yang amat baik dan ingin membantu manusia dalam banyak perkara. Masyarakat Iban percaya bahawa apabila bertemu dengan *Orang Panggau Libau* dalam mimpi, maka akan beroleh kesenangan, kesejahteraan, kekebalan, dan kekayaan sepanjang hayat atau sepanjang keturunan mereka di muka bumi ini. *Orang Panggau Libau* ialah dewa dewi daripada dunia kayangan yang tidak boleh mati. Walaupun *Orang Panggau Libau* mempunyai kuasa dan tahap kekebalan yang amat luar biasa, namun dewa dewi tersebut juga boleh berada dalam keadaan bahaya jika terkena tikaman *Sumbok Bemban Batu*, iaitu sejenis tumbuhan *Bemban* untuk membuat anyaman tikar. Lantaran itu, pada masa sekarang, apabila masyarakat Iban mengadakan ritual *Miring* dalam upacara *Gawai*, maka mereka tidak akan menghamparkan tikar *Bemban*. Ini kerana dikhawatiri *Orang Panggau Libau* tidak akan datang untuk membantu masyarakat Iban mendapatkan segala hajat yang dipohon menerusi ritual *Miring* yang dilakukan dalam upacara *Gawai* tersebut.

### ***Antu***

Konsep *Antu* dalam *Pengarap Lama* Iban sepetimana yang dijelaskan oleh informan Datuk Sri Edmmund Langgu (2023) adalah merujuk kepada pelbagai jenis makhluk ghaib. *Antu* dapat dikategorikan kepada dua, iaitu *Antu* yang memiliki semangat baik dan semangat baik. Bagi *Antu* yang mempunyai semangat yang baik, maka akan sentiasa membantu dan menolong masyarakat Iban di dalam kehidupan. Manakala, *Antu* yang semangat jahat akan selalu mengganggu

masyarakat Iban, menakutkan dan suka menyulitkan kehidupan masyarakat Iban. Dalam *Pengarap Lama* Iban, dipercayai bahawa *Antu* terdiri daripada pelbagai jenis, seperti *Antu Gerasi* (Hantu Gergasi), *Antu Kamba*, dan *Antu Tinggi*. Kebanyakan *Antu* sebenarnya boleh menolong masyarakat Iban. Antaranya, dengan pemberian *Pengaroh* (azimat) kepada masyarakat Iban menerusi mimpi, membalingkan ranting kayu atau batu yang berbentuk bulat, siput dan dulang *Nakar*. Apabila *Antu* berinteraksi dengan masyarakat Iban, maka dikatakan hanya dalam bentuk ‘suara’ sahaja yang kedengaran, akan tetapi jasadnya tidak diperlihatkan kepada mereka. Lazimnya, ‘suara’ itu adalah merupakan suatu bentuk arahan kepada masyarakat Iban yang bertujuan untuk membantu mereka. Walaupun *Antu* sentiasa membantu masyarakat Iban, namun boleh mengundang kesusahan kepada mereka. Ini kerana *Penama Antu Tu, Ia Tau Nulong Tang Ia Tau Mega Munoh Kitai Iban Mensia* yang bermaksud *Antu* boleh menolong dan boleh juga membunuh masyarakat Iban (manusia).

Informan Jimbun Anak Tawai (2023) menerangkan bahawa dalam *Pengarap Lama* Iban, dipercayai bahawa *Antu* sentiasa mengikuti mereka dalam semua perkara. Lazimnya, bagi *Antu* yang baik, maka akan sentiasa hadir dan memperlihatkan diri mereka dalam mimpi masyarakat Iban bagi menyampaikan sesuatu pesanan. Selain itu, dikatakan juga antu yang baik ini sering menjelaskan diri sebagai dewa dewi, ahli keluarga serta saudara mara yang telah lama meninggal dunia. Bagi *Antu* jahat pula, ia diperkatakan sebagai jelmaan *Antu Gerasi* yang sering menganggu kehidupan di samping berupaya membunuh manusia sama ada di alam sedar atau alam tidak sedar. Berdasarkan kepada informan Datuk Sri Edmmund Langgu (2023), konsep *Antu* dalam *Pengarap Lama* Iban dapat diklasifikasikan kepada dua, iaitu *Urban Legend* atau *Ensera Rakyat* (cerita rakyat) dan *Antu* yang mewakili sikap negatif manusia. Dalam konteks amalan kepercayaan warisan, iaitu *Urban Legend*, roh jahat pertama dilihat pada kewujudan entiti roh tertentu seperti *Kokril* (pontianak), *Antu Gerasi* (Hantu Gergasi), *Antu Tinggi* (Hantu Tinggi), *Antu Buyu* (Saka), serta *Antu Kamba* (hantu yang sering menyembunyikan anak-anak kecil masyarakat Iban pada waktu senja). Dalam budaya Iban, mereka juga percaya bahawa *Antu* jahat mendiami di alam lingkungan dan sekeliling kawasan penempatan, seperti *Pun Kara* (pokok yang merimbun), rumah lama yang tidak didiami, *Kampung Puang* (hutan rimba), anak-anak sungai serta kawasan tanah perkuburan. Manakala, bagi roh jahat kedua adalah mewakili *Antu* yang hidup serta memperlihatkan sikap negatif masyarakat Iban, seperti *Antu Engkerasak* (Roh Pengumpat),

*Antu Kepapas* (Roh Pendengki), *Antu Rua* (Roh Pembaziran) serta *Antu Tisi* (Roh Malang atau roh yang sentiasa membawa nasib kurang baik).

Menurut informan yang merupakan seorang *Lemambahang*, iaitu Abang Anak Entarey (2023), dalam *Pengarap Lama Iban*, kewujudan *Antu* adalah berpuncu daripada sikap, perilaku, perbuatan, penempatan mereka di sesuatu lokasi, dan cara percakapan yang telah menyebabkan semangat dan roh jahat menjadi marah dan bertindak agresif terhadap kehidupan sehari-hari mereka. Sehubungan dengan itu, kesan daripada kemarahan *Antu* tersebut berupaya mempengaruhi kehidupan masyarakat Iban. Ini kerana apabila wujudnya konflik antara *Alam Mensia* dan alam ghaib, maka akan menjurus kepada perkara yang kurang baik, seperti ditimpa nasib malang, hasil pertanian yang tidak menjadi, masyarakat berpecah belah, dilanda banjir atau musim kemarau, wabak penyakit, bencana alam, hidup tidak tenang di samping haiwan ternakan mati. Merujuk kepada tradisi lisan berkenaan *Antu*, kewujudan *Antu Gerasi* (Hantu Gergasi) sering diperkatakan suka merayau-rayau, terutamanya pada masa hujan panas. Jika dilihat pada mitos lama masyarakat Iban berkenaan *Antu Gerasi*, apabila ia bertemu masyarakat Iban, maka akan menangkap dan ‘memakan semangat’ yang terdapat pada badan mereka. Sehubungan dengan itu, semangat masyarakat Iban yang telah diperangkap dan dimakan olehnya akan menyebabkan mereka jatuh sakit dan boleh meninggal dunia secara mengejut. Masyarakat Iban percaya bahawa *Antu Gerasi* yang paling jahat dan ditakuti adalah *Gergasi Papa*, iaitu sejenis *Antu* jahat yang sentiasa kelaparan dan suka memerangkap masyarakat Iban untuk dijadikan sebagai makanannya. Bagi *Antu Buyu*, ia merupakan semangat jahat yang dikatakan sering mengganggu bayi baru lahir dan golongan kanak-kanak dengan membuatnya menangis tanpa henti pada waktu malam. Tambahan pula, *Antu Buyu* juga gemar ‘memakan’ anak dalam kalangan masyarakat Iban yang baru lahir.

### **Semengat (Semangat Baik dan Semangat Jahat)**

Informan Robert Menua Anak Salleh dan Jimbun Anak Tawai (2023) berpendapat bahawa dalam *Pengarap Lama Iban*, *Semengat* atau semangat dalam budaya masyarakat Iban adalah merangkumi kepada benda-benda hidup yang wujud di kawasan persekitaran dan lingkungan mereka. Misalnya, haiwan, tumbuh-tumbuhan, gunung-ganang, sungai, bukit-bukau, sungai, fenomena alam (angin, hujan, panas, siang,

malam) serta perkuburan yang dipercayai memimiliki semangat dan jiwa yang tersendiri. Bagi masyarakat Iban, mereka percaya bahawa elemen-elemen alam tersebut berupaya membantu di samping membinasakan kehidupan sekiranya tidak menghormati atau melakukan sesuatu perkara yang mengundang kemarahan kepada semangat-semangat yang wujud di alam *Mensia*. Masyarakat Iban mengistilahkan *Semengat* itu sebagai *Bunsu* yang bermaksud jelmaan. Jika dilihat pada konsep *Antu*, kewujudan *Semengat* dapat dirasai dan dilihat melalui gambaran yang jelas dan nyata. Misalnya, apabila berlaku fenomena alam semula jadi, seperti kejadian ribut petir yang berlaku di sekitar kawasan penempatan masyarakat Iban, maka akan menyatakan bahawa *Bunsu Ribut* sedang memperlihatkan kemarahannya melalui bunyi yang kuat melalui dentuman guruh dan pancaran cahaya kilat yang sangat terang.

Berdasarkan kepada cerita masyarakat Iban terdahulu oleh informan Tugang Anak Rima (2023), dinyatakan bahawa tubuh jasad mereka juga mempunyai semangat, iaitu sebanyak tujuh. Walau bagaimanapun, hanya satu semangat sahaja yang mendiami tubuh jasad masyarakat Iban dan dikatakan berwarna putih. Manakala, enam semangat yang lain akan berada pada luar tubuh jasad masyarakat Iban itu sendiri. Sehubungan dengan itu, jika enam semangat itu merayau-rayau semasa masyarakat Iban tidur, maka akan menyebabkan berlakunya mimpi sama ada baik atau sebaliknya. Namun begitu, enam semangat tersebut juga adakalanya bersikap nakal sehingga terusik *Antu* dan telah mengundang kemarahan lalu ‘memukul masyarakat Iban’. Setelah enam semangat masyarakat Iban itu ‘dipukul’, maka ia akan menyebabkan mereka menjadi lemah, jatuh sakit, penyakit gila dan boleh membawa kepada kematian mengejut. Kewujudan enam semangat masyarakat Iban itu sering dinyatakan sebagai roh nakal dan sentiasa mengusik dan mengganggu *Antu* serta makhluk sakral yang lain. Manakala, bagi semangat yang berwarna putih itu adalah semangat baik. Tambahan pula, sekiranya semangat putih itu hilang atau keluar terus dari tubuh jasad masyarakat Iban, maka ia menunjukkan bahawa sudah tidak bernyawa lagi atau telah meninggal dunia.

### **Tua (Roh Nenek Moyang)**

Bagi informan Robert Menua Anak Salleh dan Jimbun Anak Tawai (2023), dalam *Pengarap Lama Iban*, kewujudan *Tua* adalah merujuk kepada roh nenek moyang masyarakat Iban yang sekian lama meninggal dunia. Dalam budaya masyarakat Iban, kewujudan

*Semengat Tua* dapat dilihat dalam pelbagai rupa bentuk, seperti imej haiwan, *Antu*, burung, tumbuh-tumbuhan, serangga serta fenomena alam semula jadi. Masyarakat Iban juga percaya bahawa kewujudan *Semengat* baik boleh membantu dan memberikan azimat tertentu sebagai keperluan mereka terhadap menjalani kehidupan. Kewujudan *Semengat* baik lazimnya dipohon dan diberikan doa kepada kuasa-kuasa luar biasa melalui pelaksanaan sesuatu upacara dan ritual tertentu.

Bagi informan Tugang Anak Rima (2023), setelah nenek moyang masyarakat Iban meninggal dunia, maka interaksi tidak akan berputus kerana roh mereka akan menjadi *Semengat* yang digelar *Tua*. *Tua* adalah merupakan roh yang baik dan akan selalu membantu dan menjaga keturunan keluarga dalam kegiatan berhuma serta memperoleh kemakmuran hidup. Selain itu, roh nenek moyang yang sudah meninggal dunia juga berinteraksi dengan ahli keluarganya yang masih hidup di *Alam Mensia* melalui sumber mimpi masyarakat Iban. Ini kerana ia bertujuan memberikan petanda, arahan serta peringatan di samping pemberian azimat untuk digunakan dalam kehidupan.

## Kesimpulan

Kedatangan agama-agama besar, seperti agama Kristian dan Islam telah menyebabkan *Pengarap Lama* Iban yang diamalkan oleh masyarakat Iban sejak zaman nenek moyang mereka mula dipinggirkan. Ini kerana masyarakat Iban beranggapan bahawa agama-agama besar, seperti agama Kristian dan Islam lebih berkuasa berbanding kepercayaan warisan yang diamalkan oleh mereka. Justeru itu, ia telah menyebabkan generasi muda dalam masyarakat Iban pada zaman sekarang kurang mengenali tentang *Pengarap Lama* Iban yang terdahulunya sangat penting terhadap era kehidupan nenek moyang mereka. Tambahan pula, generasi muda mereka juga telah berhijrah daripada kawasan rumah panjang dan menetap di bandar. Sehubungan dengan itu, pendedahan mengenai *Pengarap Lama* Iban sangat penting untuk dilestarikan agar ia menjadi sebahagian daripada identiti kebudayaan Iban terhadap menjalani kehidupan dari semasa ke semasa dan disesuaikan dengan keperluan mereka.

## **Senarai Rujukan**

### **Buku dan Jurnal**

- Basil, T. (1949). Dayak Belief. *Sarawak Museum Journal*, V (1), 59-62.
- Buma, M. (1992). *Iban Customs and Traditions*. Kuching: Borneo Publication Sdn. Bhd.
- Chang P. F. (1999). *Legends and History of Sarawak*. Kuching: Lee Ming Press Co.
- Freeman, D. (1955). The Iban Agriculture. Department of Geography, Research School of Pacific Studies. Canberra: The Australian National University Press.
- Gomes, E. H. (2004). *Seventeen Years Among the Sea Dayaks of Borneo*. Kota Kinabalu: Natural History Publications.
- Harrison, T. (1959). The Sarawak People. Curator: *Sarawak Museum Journal*.
- Jensen, E. (1966). The Iban World. *Sarawak Museum Journal*, XIII, 1-13.
- Jensen, E. (1974). *Piring*. Vinson & Joanne S., *The Encyclopaedia of Iban Studies*, (2001), (14681469). Sarawak: Yayasan Tun Jugah.
- Jensen, E. (1974). *The Iban and Their Religion*. London: Oxford at the Clarendon Press.
- Morgan, S. (1968). The Earliest Ibans, *Sarawak Museum Journal*, Vol. XVI, 154-155.
- Morgan, S. (1968). *Traditional Iban Society, Culture and Ecology*. London: Oxford University Press.
- Morrison, H. (1962). *Life in A Longhouse*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Mulok, P. K. (1989). Iban Cultural Heritage, *Sarawak Museum Journal*, XL, 15-19.
- Mulok, P. K. (1989). Iban Traditional Values and Norms, *Sarawak Museum Journal*, XL, 5-9.
- Mulok, P. K. (1993). *Iban Bejalai*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Bhd.
- Mulok, P. K. (1980). *Modernization Among the Iban of Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ngadi, H.G. (1998). *Iban Rites Of Passage And Some Related Ritual Acts: A Description Of Forms And Functions*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Richards, (1981). *The Encyclopaedia of Iban Studies*, Sarawak: Yayasan Tun Jugah.

- Sandin, B. (1967). *Peturun Iban*. Kuching: Borneo Literature Bureau.
- Sandin, B. (1967). Simpulang or Pulang Gana: The Founder of Dayak Agriculture, *Sarawak Museum Journal*, XV, 251-253.
- Sandin, B. (1967). *The Sea Dayaks of Borneo Before White Rajah Rule*. London: Macmillan
- Sandin, B. (1977). *Gawai Burong: The Chants and Celebration of the Iban Bird Festival*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sutlive, V. H. (1992). *The Iban of Sarawak*. Arlington Heights, Illinois: AHM Publishing Corporation.

### **Temu Bual**

Abang Anak Entarey. 75 Tahun. Lemambang Iban di Kapit. 31 Januari 2023 (Sudah meninggal dunia).

Datuk Sri Edmmund Langgu. 88 Tahun. Tokoh Politik dan Pakar Adat Iban. 23 September 2023.

Janang Ensiring. 68 Tahun. Pegawai Adat Iban di Yayasan Tun Jugah. 10 Julai 2023.

Jimbun Anak Tawai. 70 Tahun. Bekas Pegawai Penyelidik Kebudayaan Seksyen Iban di Majlis Adat Istiadat Sarawak. 30 Oktober 2023.

Kendawang Anak Ambit. 71 Tahun. Tuai Rumah dan Tuai Burung di Rumah Kendawang, Nanga Klassen, Undop, Sri Aman. 2 November 2023.

Robert Menua Salleh. 66 Tahun. Pengarah Yayasan Tun Jugah. 10 Oktober 2023.

Tugang Anak Rima. 89 Tahun. Pakar Adat Iban Undop, Sri Aman. 29 Januari 2023 (Sudah meninggal dunia).